

Dr Mahathir tidak anggap diri seperti Sukarno

24 23/10/03

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di Jogjakarta, semalam, untuk menerima Anugerah Felo Kehormat dari Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan Asean (AFEO) ditemu ramah selama sejam oleh stesen televisyen Indoneisa, TV7. Temu ramah oleh anggota panel TV7 dihos Dana Iswara. Berikut ialah transkrip temu ramah itu.

SOALAN: Terima kasih kerana kehadiran dan kesempatan istimewa hari ini.

DR MAHATHIR: Terima kasih kembali.

SOALAN: Saya mahu tanyakan bapak Mahathir bagaimana bapak mahu dikenang sebagai siapa atau apa, sebagai Bapak Pembangunan Malaysia, sebagai seorang pemimpin Asia yang dikenali atau bagaimana.

DR MAHATHIR: Yang itu terpulang kepada pihak lain menentukan tetapi bagi saya bukan untuk saya menentukan apakah sumbangan saya atau kejayaan saya. Penilaian oleh orang lain. Mungkin pada satu ketika mereka akan menghargai dan ada yang mungkin mencemuh. Itu adalah lumrah manusia.

SOALAN: Saya ingin tanya pendapat. Ramai orang Indonesia yang menganggap bapak ini Sukarno di era sekarang dan bagaimana bapak melihat perkara ini.

DR MAHATHIR: Saya tidak fikir saya boleh disamakan dengan presiden pertama Indonesia. Beliau adalah seorang tokoh yang terkenal dan berjaya menyatukan satu bangsa yang terbahagi kepada lebih 200 suku kaum dan itu adalah satu kejayaan yang lebih besar. Indonesia jauh lebih besar daripada Malaysia. Kita selalu ingat Indonesia lebih 10 kali ganda daripada Malaysia tentu masalahnya juga 10 kali ganda daripada masalah di Malaysia.

kara termasuk berkaitan ekonomi, sosial dan politik. Sesetengahnya cukup berjaya dan ada juga yang tidak begitu berjaya. Saya tidak boleh kata bagaimana saya mahu dikenali. Bagaimanapun saya rasa perasaan puas yang saya alami ialah apabila dapat menyatukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang selalu akan bercakaran sesama sendiri tetapi menyatukan mereka untuk menjangkakan Malaysia. Itu adalah pencapaian terbaik saya.

SOALAN: Tetapi berbanding tiga Perdana Menteri yang lalu, kadangkala bapak memperkatakan sesuatu dengan begitu lantang dan tegas hingga menarik perhatian akhbar di seluruh dunia. Boleh bapak terangkan perkara ini.

DR MAHATHIR: Jika saya begitu marah ia adalah berdasarkan perasaan saya yang dapat mengagak tujuan sebenar sesuatu dilakukan. Jika saya berasa ada sesuatu yang tidak kena saya berasa perlu menyuarakan pandangan saya jika tidak orang akan melakukan sesuatu yang bertentangan dan salah dan menyangka tidak ada orang yang mampu menghalang mereka. Ini tidak adil dan saya terpaksa menyatakannya.

SOALAN: Ada usaha untuk menyatukan pelbagai kaum di Malaysia tetapi dalam buku anda Malay Dilemma anda mengatakan bahawa bangsa Melayu mempunyai sikap pemalas dan perlu didorong-dorong melakukan sesuatu yang positif.

saya sendiri seorang fundamentalis iaitu saya mengikut ajaran Islam yang asas. Sejak lebih 1,400 tahun lalu orang sudah menyalah tafsir Islam. Hari ini ia seolah-olah menjadi satu agama yang berbeza. Ia menjadi agama dikaitkan dengan keganasan, agama kemunduran dan keadaan tidak stabil. Ini kerana pengikutnya mentafsir Islam secara yang salah jadi saya beranggapan

sepsi kita mengenai sesuatu. Kami menganggap penjualan air mentah sebanyak tiga sen bagi setiap 1,000 gelen iaitu harga pada 1997 sebagai tidak wajar. Kita meminta Singapura mengkajinya semula bagi menaikkan harga air, tetapi Singapura berkata perjanjian menetapkan ia mesti dipersetujui oleh Singapura. Kita akan terus membekalkan air kepada Singapura sebagai tanggungjawab

lesaikan masalah dan menyelesaikan rancangan yang dibuat dan harap pihak lain berusaha untuk mencapai matlamat yang sudah ditentukan. Lagipun kami dari satu parti apa yang menjadi sasaran adalah juga matlamat parti dan parti akan terus memperjuangkan bagi matlamat yang sudah ditetapkan.

SOALAN: Bapak memberi kenyataan

Saya tidak fikir saya boleh disamakan dengan presiden pertama Indonesia. Beliau adalah seorang tokoh yang terkenal dan berjaya menyatukan satu bangsa yang terbahagi kepada lebih 200 suku kaum dan itu adalah satu kejayaan yang lebih besar.

Bagi pemimpin seperti Presiden Sukarno berjaya mengatasi masalah yang begitu besar saya fikir ia tidak boleh dibandingkan dengan saya yang memimpin sebuah negara yang mempunyai penduduk sekarang 22 juta saja. Jadi lebih mudah menangani masalah kumpulan yang kecil daripada kumpulan yang besar.

SOALAN: Tetapi persamaannya banyak melihat bapak giat berjuang melawan imperialis, kapitalisme dan tidak mahu menjadi negara kaum kuli. Di sini kelihatannya persamaan bapak.

DR MAHATHIR: Saya mengikuti perjuangan Sukarno terutama beliau adalah orang yang menyebut mengenai ekonomi imperialisme, neokolonialisme. Ini adalah idea yang dibawa oleh Sukarno dan pada masa itu ramai yang gelak ketawa tidak terfikir perkara ini mungkin berlaku tetapi kini kita dapat lihat apa yang diperkatakan Presiden Sukarno dan apa yang berlaku dalam bentuk yang

apakah sekarang selepas 30 tahun sudah ada perubahan.

DR MAHATHIR: Sudah ada perubahan dalam budaya bangsa Melayu dan ada antara mereka berjaya tetapi mereka masih mempunyai sikap bergantung kepada pemerintah. Segala-galanya hendak disediakan oleh pemerintah dan apabila disediakan ramai juga yang tidak menggunakan secara yang dikehendaki dengan itu mereka gagal. Saya akui ada yang berjaya tetapi daripada segi sasaran yang ditujukan kita hanya mencapai separuh saja.

SOALAN: Apakah akan diteruskan layanan istimewa terhadap bangsa Melayu.

DR MAHATHIR: Saya fikir masih perlu kita teruskan dasar untuk menimbangkan kedudukan ekonomi dan sosial antara Bumiputera Melayu dengan kaum lain di Malaysia. Jika tidak maka akan ada ketegangan hubungan antara kaum. Mungkin

kita perlu berbalik kepada asas dan fundamental Islam.

SOALAN: Ada kepuasan-kepuasan tertentu. Apa yang belum dilakukan.

DR MAHATHIR: Kita masih mempunyai wawasan menjadi negara maju pada 2020 dan banyak langkah-langkah yang perlu diambil sebelum mencapai matlamat ini. Saya tidak menjadi Perdana Menteri selepas 31 Oktober ini tetapi saya masih menjadi ahli parti dan jika saya ditanya dan diminta nasihat sudah tentu saya akan cuba menganalisis keadaan dan memberi pandangan bagaimana mengatasinya.

SOALAN: Tetapi kenyataan bahawa bapak Mahathir seorang pemimpin Asia yang lantang bersuara menunjukkan banyak keberhasilan melawan katakanlah eksploitasi barat. Apakah Asia tidak memerlukan seorang pemimpin seperti bapak yang mempunyai visi masa depan dan juga seekali sekala lantang bersuara.

DR MAHATHIR: Ya mungkin ada pemimpin Asia yang pada satu masa bercakap dengan lantang tetapi sebelum berbuat demikian kita mesti menoleh ke belakang untuk melihat sokongan yang kita dapat kerana jika kita lihat pemimpin yang terlalu lantang mungkin disingkir kerana ia tidak mempunyai sokongan yang kuat.

SOALAN: Saya mahu tahu berapa lama perlu ada layanan istimewa untuk orang Melayu kerana bapak kata ada masa tertentu.

DR MAHATHIR: Ya kita tidak boleh tentukan masa, kita perlu buat uku-

tetap tidak mahu ia sehingga memberi keuntungan besar kepada mereka. Jadi sehingga sekarang Singapura menolak untuk berbincang. Jadi kita akan ke timbang tara.

SOALAN: Orang bimbang bahawa anda dianggap pemimpin yang kuat (hebat) di negara anda tetapi boleh orang yang menggantikan anda itu boleh menjadi sekuat anda.

DR MAHATHIR: Saya rasa beliau sudah menyatakan dengan jelas bahawa beliau berpandangan sebagaimana saya juga. Saya mahu memberitahu bukan semuanya keputusan saya tetapi adalah keputusan daripada Kabinet. Jadi dia juga terpaksa mengikut keputusan Kabinet. Mungkin pada ketika ini orang ramai masih memfokuskan perkara ini. Bila beliau mengambil alih, saya yakin beliau akan kuat kerana disokong oleh parti yang kuat dan kewibawaan negara.

SOALAN: Kewibawaan beliau sudah dilihat ketika anda bercuti selama dua bulan

DR MAHATHIR: Sudah nyata beliau berjaya melakukan tugas berkeñaan.

SOALAN: Hubungan Malaysia Indonesia, sebagai negara serumpun dan sebudaya tetapi banyak menilai kita tidak seakrab seperti sepatutnya. Apakah bapak setuju.

DR MAHATHIR: Sebenarnya jika dilihat setiap seorang rakyat Malaysia sebenarnya mereka berasal dari Indonesia tetapi Malaysia ditakluk oleh British dan Indonesia oleh Belanda. Masa mencapai kemerdekaan kita setuju sempadan antara Belanda dan British dijadikan sempadan

yang bernas, mengenai keganasan pada ekonomi, yang mana lebih bahaya daripada membunuh menggunakan senjata, kesan yang berlanjutan, menjadikan manusia semakin miskin.

DR MAHATHIR: Banyak negara di Asia Tenggara menjadi miskin akibat serangan penyangak mata wang. Tetapi, kesannya kepada manusia sama seperti kesan akibat serangan pengganas. Mereka kehilangan pekerjaan, berhadapan rusuhan, ada kalanya rumah dan harta benda mereka musnah terbakar dan ada ketikanya mereka disabitkan dengan jenayah. Oleh itu, mereka takut dengan serangan ekonomi. Takut itu sama seperti discrang pengganas dan kerana itu, keganasan ekonomi tidak ada bezanya dengan keganasan bentuk lain dan kita melihat ia berlaku.

SOALAN: Peranan Amerika Syarikat amat dominan terhadap negara seperti Malaysia, Indonesia serta negara lain yang sedang membangun. Apakah jalan untuk melindungi kepentingan kita atau kita hanya mampu menyaksikan tingkah laku Amerika ini tanpa berbuat apa-apa?

DR MAHATHIR: Jelas sekali, negara yang lemah tidak mampu berhadapan dengan Amerika. Tetapi, kita harus menyatakan kepada mereka apa yang tidak betul dengan dasar dan tindakan mereka. Jika kita tidak berbuat begini dan membiarkan mereka melakukan sesuka hati kerana mereka akan terlepas dengan anggapan mereka tidak boleh disentuh dan tiada sesiapa yang boleh menghalang mereka. Mereka akan terus melakukan kesalahannya ini dan dalam jangka panjang, ini akan

cukup dahsyat. Penguasaan ekonomi dunia sekarang ini disandang oleh puak imperialis dan saya cuma menyatakan kebenaran apa yang dituduh oleh Presiden Sukarno.

SOALAN: Akhir-akhir ini bapak Mahathir memberikan kenyataan keras terhadap beberapa negara barat. Apakah bapak tidak memperkirakan akan ada reaksi keras kembali terhadap bapak.

DR MAHATHIR: Ya memang ada reaksi tetapi kita harus yakin bahawa kita boleh melawan tindakan yang akan diambil terhadap kita bergantung kepada kedudukan ekonomi, kedudukan politik negara. Kalau kita dalam negara kukuh dan bersatu padu walaupun tekanan datang daripada kuasa besar kita boleh menangkis serangan mereka.

SOALAN: Dalam sebuah rencana dalam *The Herald Tribune*, ada rencana mengenai bapak. Saya ingin tahu bagaimana bapak mahu diri bapak dikenali oleh dunia.

DR MAHATHIR: Sekali lagi soalan yang sama. Terpulanglah kepada dunia untuk memutuskan apakah mereka mahu memanggil saya. Saya telah cuba semampu saya menjalankan tugas diamanahkan kepada saya sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sebenarnya apa yang saya lakukan adalah meneruskan dasar-dasar Perdana Menteri pertama, kedua dan ketiga.

Mungkin saya lebih berjaya sedikit tetapi saya menangani semua per-



akan tiba satu masa orang Melayu sudah yakin, mereka percaya pada diri mereka dan mereka boleh mencapai satu tahap kejayaan yang mana mereka yakin mereka tidak akan dapat dipinggirkan lagi. Jadi masa itu belum tiba lagi. Bila tiba masa kita tidak perlu mengadakan pendekatan itu.

SOALAN: Banyak kenyataan bapak begitu tegas sekali.

DR MAHATHIR: Pertama saya mahu membetulkan kenyataan anda bahawa saya bukannya menentang fahaman fundamentalisme kerana

ran apabila kita maju ke hadapan setakat mana yang kita sudah maju dan membuat penilaian waktu itu sebelum kita bertindak. Kalau kita kita tentukan tarikh sesuatu dengan itu maka kita mungkin belum berse-dia.

SOALAN: Isu antara Singapura dan Malaysia. Mengapakah sukar kedua-dua negara untuk mengatasi masalah mereka misalnya masalah air dan masalah asas. Adakah kerana anda terlalu mengenali satu sama lain.

DR MAHATHIR: Ia berkaitan per-

“
Saya cuba semampu saya menjalankan tugas diamanahkan kepada saya sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sebenarnya apa yang saya lakukan adalah meneruskan dasar-dasar Perdana Menteri pertama, kedua dan ketiga. Mungkin saya lebih berjaya sedikit tetapi saya menangani semua perkara termasuk berkaitan ekonomi, sosial dan politik.”

dan antara Malaysia Indonesia tetapi dari segi semangat dan perasaan sekeluarga Malaysia anggap Indonesia sebagai satu rumpun malah satu keluarga. Kadang-kadang dalam keluarga juga ada masalah tetapi ia tidak harus menyebabkan kita terpisah. Ini perkara biasa. Bagi Malaysia kita tidak ada masalah berhubung rapat dengan Indonesia.

SOALAN: Bagi diri Pak Mahathir. Apakah perasaan bapak Mahathir yang beliau tercapai sehingga kini.
DR MAHATHIR: Banyak tetapi tidak mungkin sesiapa pun dapat menye-

mencetus banyak ketidakstabilan di dunia ini.

Sebagai contoh, idea serangan awal ini sebelum anda melakukan apa-apa kepada mereka, mereka sudah menganggap anda sebagai penganas sebagai alasan untuk menyerang anda. Saya berpendapat ini sesuatu yang teruk dan kita hidup dalam ketakutan. Kita perlu beritahu mereka ini adalah salah.

Mereka mungkin tidak mendengar kata-kata kita tetapi kita dapat lihat banyak negara berpihak kepada kita, termasuk negara Eropah. Jika kita berdiam diri, negara Eropah akan berkata, mereka terima semua ini dan mereka mungkin akan melakukan perkara yang sama. Kerana itu kita perlu bersuara.

SOALAN: Bagaimana dengan negara Asean yang lain? Adakah mereka berkongsi pandangan yang sama?

DR MAHATHIR: Negara Asean yang lain juga mempunyai pandangan yang sama. Itu yang mereka katakan kepada saya tetapi sudah pasti, ada kalanya kedudukan kerajaan tidak begitu kukuh dan mereka bimbang untuk menyuarakan pandangan mereka, takut ada yang akan merancang menggulingkan mereka. Ini yang berlaku di negara lain.

SOALAN: Adakah bapak optimistik imperialisme Amerika dapat dihentikan?

DR MAHATHIR: Ia boleh dihenti-

LIHAT MUKA 13 ►

‘Kita cuba selesai masalah secara interaksi, bincang’

► DARI MUKA 12

kan. Presiden mereka bertukar-tukar. Ada yang mungkin mudah untuk berunding dan ada yang lebih gemar berkonfrontasi. Oleh itu, kita perlu mengambil peluang daripada keadaan ini. Jika Presiden itu kelihatan bertimbang rasa, kita harus mendekatinya dan sampaikan pandangan kita. Jika sebaliknya, kita perlu menyatakan yang kita tidak bersetuju.

SOALAN: Mengapa pendekatan konfrontasi tidak boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah berkaitan Aung San Suu Kyi?

DR MAHATHIR: Kerana ia tidak akan menyelesaikan masalah. Eropah berpendapat, jika ada masalah, ia harus diselesaikan dengan menentukan siapa yang lebih kuat. Soal siapa yang berkuasa itu benar dan yang kuat akan menang, bukan sikap dan budaya Asean. Kita cuba menyelesaikan masalah dengan berinteraksi, berbincang bagi mengenal pasti punca masalah. Memang mudah untuk menyalahkan Myanmar kerana tidak membebaskan Suu Kyi tetapi kita seharusnya melihat keadaan yang berlaku di Myanmar. Ini bukan sesuatu yang mudah. Mereka mempunyai kira-kira 100 puak, yang setiap satunya dilengkapi senjata dan kerajaan bukan saja berhadapan dengan Suu Kyi tetapi juga kumpulan ini. Ada anggapan bahawa selagi kita boleh mempunyai demokrasi, masalah akan selesai. Namun, anda boleh lihat banyak negara yang demokratik tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah mereka dan mereka akhirnya menjadi anarki. Oleh itu, kita tidak patut mengambil pendekatan konfrontasi ini seperti mana Barat dan Eropah.

SOALAN: Ada spekulasi kononnya bapak dicela Presiden George W Bush berikutan kenyataan bapak mengenai Yahudi pada Sidang kemuncak Ke-10 Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC), minggu lalu.

DR MAHATHIR: Beliau tidak mencela saya

akan datang supaya mereka tidak mengulangi kesalahan dan jika ada sesuatu yang saya lakukan yang membawa hasil yang baik maka mereka boleh menggunakan pendekatan itu. Saya belum berbuat apa-apa.

SOALAN: Apakah prospek Asean dalam dunia yang berubah ini dengan China sekarang menjadi negara yang dominan di Indonesia?

DR MAHATHIR: Asean adalah kumpulan negara membangun yang paling bersatu dan kukuh. Asean mencapai pelbagai kejayaan. Umum mengakui hakikat ini. Tiada kumpulan negara membangun lain yang berjaya mencapai kejayaan seperti Asean. Tetapi Asean akur dan sedar mereka harus bekerjasama dengan pihak lain. Kerana itu, kita hari ini ada Asean + 3, dengan China, Korea dan Jepun. Kerjasama ini akan menjadikan Asean lebih kuat dan sebagai negara anggota Apec, Asean boleh menjalin hubungan baik dengan negara yang kuat di dalam Apec sekali gus mencapai kejayaan yang lebih baik. Saya mempunyai harapan yang tinggi terhadap Asean.

SOALAN: Apa yang boleh dilakukan oleh Apec untuk kembali fokus kepada masalah ekonomi, anda mempersoalkan lebih banyak masalah yang diurus oleh Apec, jadi apa upaya yang boleh dilakukan.

DR MAHATHIR: Oleh kerana ekonomi yang menjadi penting kerana ekonomi ada kaitan yang rapat dengan kesejahteraan hidup penduduk terutama yang miskin, jadi jika kita lari daripada asas penubuhan Apec iaitu kerjasama ekonomi, sebaliknya kita ada kerjasama dalam bidang keselamatan, peperangan dan sebagainya, jadi tumpuan pada ekonomi tentu akan merosot dan dengan itu masalah kemiskinan dan masalah ketidakseimbangan dan penduduk akan dikurangkan dan kita akan rugi, bagi sekuriti kita ada forum yang lain.

seperti mana yang dilaporkan media. Saya kemudiannya mengadakan sidang akhbar dan saya jelaskan kepada mereka yang Presiden Bush tidak mencela saya. Sebaliknya, beliau menjelaskan kepada saya mengapa beliau membuat kenyataan keras terhadap diri saya. Itu saja dan saya beritahu beliau, saya memahaminya. Bagaimanapun, menurut laporan akhbar, seorang pegawai kerajaan Amerika memaklumkan kepada media, bahawa Presiden Bush menarik saya ke tepi untuk mengemcam saya.

Pemberita bertanya saya adalah ini cara Amerika, di depan cakap lain, belakang cakap lain, jawapan saya, saya tidak tahu. Apa yang saya tahu, beliau tidak mengemcam saya. Beliau datang dekat dengan saya dan meminta maaf kepada saya kerana mengeluarkan kenyataan keras terhadap saya. Menteri Luar saya berjumpa Collin Powel. Beliau membacakan ucapan saya dan beliau faham. Memang saya menyentuh mengenai Yahudi tetapi saya juga banyak menyebut mengenai Islam. Oleh itu, ia adalah satu ucapan yang seimbang. Collin Powel berpuas hati dengan ucapan saya dan saya percaya, beliau sudah memaklukkannya kepada Presiden Bush. Apa yang pasti, saya tidak dicela Presiden Bush. Beliau menarik saya ke tepi dan menjelaskan kepada saya mengapa beliau menggunakan kata-kata keras terhadap saya dan saya memberitahu beliau, ucapan saya disalahtafsir tetapi saya faham apa yang beliau maksudkan.

SOALAN: Bapak adalah pemimpin agung di Asean. Apakah ciri-ciri yang perlu untuk menjadi pemimpin yang kuat di Asean?

DR MAHATHIR: Saya fikir ada pemimpin Asean menjadi pemimpin yang kuat tetapi masalahnya ialah jika anda menjadi pemimpin dalam jangka masa yang pendek, anda tidak mempunyai cukup masa untuk membangunkan negara. Anda perlu berada di kedudukan itu untuk satu tempoh yang tertentu sebelum anda dikenali dan diterima. Pada saya, 10 tahun. Jika tidak, belum pun sempat anda menjayakan dasar yang digubal, anda sudah terpaksa meninggalkan kedudukan anda. Tiada siapa yang akan peduli atau mengambil berat mengenai seseorang yang mereka baru kenali.

SOALAN: Katakan selepas tidak menjadi kepala pemerintah, tapi menjadi pemimpin kepala oposisi (pembangkang).

DR MAHATHIR: Pemimpin oposisi (pembangkang) tidak mempunyai kesan dan tidak menarik perhatian seperti pemimpin pemerintah.

SOALAN: Selama lebih 20 tahun menjadi pemimpin Malaysia, banyak pengalaman dan dugaan. Adakah bapak akan menulis memoir yang banyak cerita-cerita yang belum diungkap sebelum ini supaya pemimpin lain dapat belajar?

DR MAHATHIR: Saya berpendapat saya bertanggungjawab untuk mencatat segala pengalaman saya terutama kesalahan yang saya lakukan, perbuatan yang tidak mungkin mencapai kejayaan yang mana semua ini akan berguna pada generasi

SOALAN: Pagi ini sebelum ke sini, bapak menyuarakan pandangan mengenai Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa yang adalah institusi terkemuka, jadi kita sebagai negara membangun bagaimana kita menghadapi institusi seperti itu.

DR MAHATHIR: Perkara ini saya turut timbulkan dalam sidang Opec di Bangkok. Ketika krisis mata wang dulu, kita sudah mencadangkan harus ada kerangka baru kewangan antarabangsa. Satu ketika mereka kata ia, mereka pasti akan melaksanakan perubahan, tetapi selepas itu mereka berdiam diri mereka tidak lagi menimbulkan perkara ini, jadi tidak ada rombakan dalam kerangka kewangan yang membolehkan kita melindungi negara miskin daripada diserang oleh individu-individu rakus yang hanya mahu mencari kekayaan untuk diri mereka saja. Mereka ini tidak menghiraukan apakah jika 40 juta rakyat kehilangan pekerjaan mereka, bagi mereka ini tidak penting asalkan mereka mengaut kekayaan. Jadi saya timbulkan lagi perkara ini dan ia disokong sejumlah negara.

SOALAN: Apakah bapak menjangkakan satu Persidangan Kuala Lumpur dapat membuat keputusan mengenai satu sistem baru kewangan.

DR MAHATHIR: Pertama mereka tidak lagi berpegang kepada perjanjian Bretton Woods. Bretton Woods memutuskan bahawa kita harus ada satu ikatan kepada emas dan semua mata wang harus dinilai mengikut nilai emas tetapi mereka memutuskan menolak standard emas dan membenarkan keadaan pasaran menentukan nilai kadar tukaran. Di sinilah letaknya masalah sebenar iaitu tidak berpegang kepada perjanjian. IMF, Bank Dunia adalah institusi lahir dari Bretton Woods tetapi mereka tidak hiraukan apa diputuskan oleh pakar di Bretton Woods dan lebih suka mengikut rentak mereka sendiri.

Iaitu menggunakan wang untuk mempengaruhi arus politik di negara lain, bagi mendukung demokrasi, hak asasi manusia dan sebagainya sedangkan itu bukan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka sepatutnya ikut apa diputuskan oleh Bretton Woods. Sekurang-kurangnya mereka patut berunding dengan kita mengenai apa pandangan kita berkaitan apa yang mereka lakukan dengan keputusan Bretton Woods iaitu jika kita tidak suka dengan apa yang mereka lakukan. Mereka sepatutnya bersedia untuk menghidupkan kembali Bretton Woods.

SOALAN: Sudah kemukakan.

DR MAHATHIR: Sudah, herkali-kali, negara yang membangun memang beri sokongan sebagai contoh Korea Selatan dan Hong Kong yang jadi mangsa kepada pedagang mata wang, tetapi kuasa besar mereka rasa tidak terancam dan kalau sesuatu berlaku kepada mereka, mereka tidak hiraukan pendapat IMF. Sebab itu apabila Dana Penanggungungan Pengurusan Kredit Jangka Panjang kerugian berbilion-bilion dolar, mereka sanggup menjadi kroni dan mengatur pembiayaan semula yang menjadi satu cara bagi mereka.